



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000  
Fax : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : kpkt\_gov  
Facebook : Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.44 (96)  
Tarikh : 9 Mei 2015

## SIARAN MEDIA

### **Kesejahteraan Hidup Penghuni Rumah Pangsa LPPB Dipertingkatkan menerusi NBOS dan PTS**

**Sandakan, 9 Mei 2015** - Majlis Penyerahan Projek Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy - NBOS*) Kejiranan Indah dan Majlis Pelancaran Program Transformasi Sosial (PTS) Rumah Pangsa LPPB, Batu 3 1/2, Sandakan disempurnakan oleh YB Datuk Hj Zakaria bin Hj Mohd Edris, Pembantu Menteri Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah pada pagi ini.

2. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memperuntukkan RM2,139,931.10 juta untuk baik pulih perumahan ini di bawah Projek Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy - NBOS*) Kejiranan Indah. Rumah Pangsa ini adalah salah satu daripada 19 lokasi NBOS Kejiranan Indah yang dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 2014. Baik pulih ini melibatkan 960 unit kediaman di 21 Blok (3 Tingkat) yang menempatkan 4,800 orang penduduk. Pecahan peruntukan RM2,139,931.10 ini melibatkan baikpulihan yang dilakukan oleh Bahagian dan Jabatan di bawah KPKT seperti berikut:

- Kerja-kerja penyelenggaraan bangunan (mengecat bangunan) : Bahagian Perkhidmatan Perbandaran (BPP) : RM1,065,313.10
- Kerja-kerja menaik taraf infrastruktur dan kemudahan awam (naik taraf jalan, longkang & tempat letak kenderaan) : Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) : RM674,708.00
- Kerja-kerja landskap : Jabatan Landskap Negara (JLN) : RM399,910.00

3. Rumah pangsa yang dibina 22 tahun lalu oleh Lembaga Pembangunan, Perumahan dan Bandar Negeri Sabah ini memerlukan baik pulih sepenuhnya di mana keadaan fizikal bangunan yang buruk dan usang, jalan berlubang, lampu jalan rosak, ketiadaan tempat letak kereta dan kawasan lapang yang dihadapi oleh 4,800 penduduk di sini.

4. Kini penghuni perumahan ini menikmati keselasaan hidup di mana bangunan dicat semula dengan warna kegemaran penduduk; jalan-jalan berlubang diturap semula; sebahagian lampu-lampu jalan yang rosak dinaik taraf kini menerangi kawasan terutamanya pada waktu malam; penyusunan semula petak-petak tempat letak kereta lebih selesa serta selamat untuk digunakan; kawasan lapang yang dulunya terbiar dibina baru taman permainan kanak-kanak dilengkapi dengan alat senaman interaktif, padang bola serta landskap yang indah yang boleh dibanggakan oleh tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian.

5. Kejayaan NBOS Kejiranan Indah ini dapat dilihat daripada harga rumah pangsa 2 bilik ini meningkat naik dari RM35 kepada RM90 ribu (meningkat 3 kali ganda).

6. Perumahan yang dibina pada 1993 ini adalah salah satu skim rumah pangsa kos rendah pertama dibina oleh Lembaga Pembangunan, Perumahan dan Bandar Negeri Sabah. Ianya memberi kepada penduduk berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri.

7. Bagi mewujudkan '*sense of belonging*' untuk mengekalkan keceriaan persekitaran dan memastikan penyelenggaraan perumahan ini secara berterusan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menggalakkan penglibatan di kalangan penduduk bersama Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar dan Majlis Perbandaran menerusi 5 komponen utama Program Transformasi Sosial iaitu :

- a) **Program Bandar Selamat** untuk mengurangkan jenayah melalui aktiviti *omnipresence* dan rondaan keselamatan oleh PDRM dan Rukun Tetangga (RT). AMANITA (anggota polis wanita) sedang menarik suri rumah menjadi 'mata dan telinga' bagi pihak polis untuk menyalurkan maklumat kes jenayah yang berlaku;
- b) **Program Bomba Komuniti** untuk memupuk kesedaran keselamatan kebakaran dan sebagai penyampai maklumat kecemasan kepada JBPM. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat membantu menjaga pili bomba, menangani kes-kes kebakaran kecil dan sebagai agen penggerak dalam mewujudkan komuniti yang mempunyai kesedaran tinggi terhadap budaya keselamatan kebakaran;
- c) **Program Rakan Taman** untuk memupuk semangat kesukarelawanan dan dijadikan amalan menjaga, memelihara, menyelenggara dan mengawasi taman

yang telah dinaik taraf. Sambil beriadah setiap hari kita juga boleh mengawasi keadaan taman dan menjaga kebersihannya sekali. Sekali sekala kita boleh bergotong-royong memperbaiki kerosakan kecil atau melakukan apa yang patut untuk meningkatkan keceriaannya; dan

- d) **Komuniti Kitar Semula** (*reduce, reuse dan recycle*) untuk meningkatkan kadar kitar semula dengan mencapai sasaran 22% menjelang 2020. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan sedar amalan kitar semula merupakan tanggungjawab bersama disamping boleh menambah sumber pendapatan isi rumah.
- e) Program **Communication for Behavioural Impact (COMBI)** atau **Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku** bertujuan melibatkan tuan-tuan dan puan-puan dalam aktiviti-aktiviti memerangi nyamuk aedes. Sungguhpun perumahan ini tiada kes demam denggi, namun mencegah adalah lebih baik daripada mengubati. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan boleh memberi kerjasama kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Majlis Perbandaran Sandakan dan Jabatan Kesihatan Daerah Sandakan untuk terus membendung wabak demam denggi daripada terus merebak. Selain itu, Program **Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN)** dalam usaha mewujudkan komuniti sihat dan produktif dengan membudayakan amalan gaya hidup sihat melalui cara makan yang sihat, pengurusan berat badan, hidup yang aktif, tidak merokok dan mengetahui status kesihatan sendiri.

8. Penduduk Rumah Pangsa LPPB ini turut menyertai pameran dengan menjual hasil produk-produk kraftangan dan kuih-muih tradisional buatan sendiri. Pempamer lain adalah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD), Majlis Perbandaran Sandakan (MPS), Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Sandakan, Jabatan Kesihatan Daerah Sandakan, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan 1Malaysia For Youth (iM4U)

9. Selain itu, melalui kolaborasi bersama Kementerian Kewangan Malaysia kami juga bawakan 2 bas dan 1 van **Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC)** yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan secara bergerak kepada tuan-tuan dan puan-puan iaitu :-

- a. Unit Strategik Nasional (NSU);
- b. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN);
- c. Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (JKJR);
- d. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); dan
- e. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

10. Majlis pada pagi ini diserikan dengan kehadiran Datuk Hj. Mohammad bin Mentek Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT, YB Datuk Au Kam Wah Ahli Dewan Undangan Negeri Elopura, Datin Paduka Dr. Dahlia binti Rosly Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, selaku urus setia induk majlis pada pagi ini; YB Datuk Rubin bin Balang; Pengerusi Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) Negeri Sabah, YBhg. Datuk Ir. James Wong Presiden Majlis Perbandaran Sandakan, YBhg. Datuk Haji Alipudin Puyon Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Dalam Bandar Sri Taman termasuk Rumah Pangsa LPPB Batu 3 1/2, Sandakan, Sabah dan YBr. Encik Hussain bin Sukan Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Rumah Pangsa LPPB, Batu 3 1/2, Sandakan, Sabah dan pegawai kanan KPKT dan Kerajaan Negeri Sabah.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)